Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

Kempen Pengantaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

Apa itu Harta Pusaka?
Merupakan harta peninggalan si mati termasuklah harta alih dan harta tak alih.

Apa itu harta alih?
Merupakan harta yang boleh dialih dari satu tempat ke satu tempat yang lain, contoh : kereta, perabot rumah, duit, pakaian dll.

Apa itu harta tak alih?
Merupakan harta yang tidak boleh alih atau kekal di tempatnya, contoh : rumah, tanah, sawah bendang, telaga dll.

Apa bezanya harta pusaka berwasiat dan harta pusaka tidak berwasiat?
Harta Pusaka Berwasiat : si mati meninggalkan harta dengan membuat wasiat bahawa hartanya itu akan dibahagikan kepada orang-orang yang telah si mati tentukan dan hartanya juga telah dikenalpasti sebelum si mati meninggal dunia.

Di dalam agama Islam, si mati hanya boleh mewasiatkan harta tidak lebih dari 1/3 dari hartanya kepada orang yang si mati kehendaki di mana orang yang menerima wasiat itu bukan ahli keluarga atau waris si mati.

Bagi orang bukan Islam (non-Muslim), wasiat yang dibuat adalah sah walaupun kesemua hartanya diberikan kepada orang yang bukan merupakan warisnya, selagi ia tidak bercanggah dengan peruntukan di dalam Akta Pentadbiran Harta Pusaka dan ia tidak dicabar oleh waris si mati.

Harta Pusaka Tanpa Wasiat : si mati meninggal dunia tanpa meninggalkan wasiat atau tidak membuat wasiat atau tidak sempat menyediakan wasiatnya.

Apa itu Harta Pusaka kecil?
Harta alih atau tak alih yang bernilai tidak melebihi RM600,000.00, misalnya:
1. Tanah Sahaja <600,000.00;
2. Tanah dan rumah <RM600,000.00; dan
3. Tanah dan rumah dengan harta alih seperti motokar, wang tunai, barang kemas <RM600,000.00.

Apa itu Harta Pusaka Biasa?
1. Harta alih sahaja bernilai lebih kurang RM600,000.00 contoh wang simpanan saham, tunai dan barang kemas;
2. Harta tak alih misalnya tanah bernilai lebih RM600,000.00;
3. Tuntutan Kontingensi di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956.



Apa itu "Probet"?
Ia merupakan tindakan untuk memperakukan dan mengesahkan sesuatu wasiat yang ditinggalkan oleh si mati. Tujuan Probet adalah untuk memberi pengiktirafan kepada sesuatu wasiat yang sah di sisi undang-undang.



MAKLUMAT / DOKUMEN YANG PENTING SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK PENTADBIRAN HARTA PUSAKA

1. Surat Perakuan Kematian/Pengisytiharan Mahkamah.

2. Senarai waris-waris si mati - Nama, No. K.P., Tali Persaudaraan (menurut Surat Faraid bagi orang Islam) dan alamat.

3. Senarai Harta Pusaka dan nilaiannya / jumlahnya:

   - Tunai, wang simpanan, saham, barang-barang kemas;
   - Gaji, pencen, ganjaran, KWSP, Insuran nyawa;
   - Tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Seksyen 7 dan 8); dan
   - Butir tanah & rumah, kenderaan bermotor (No. geran, mukim, lot, jenis rumah).

4. Senarai Hutang Si mati (yang diketahui):

   - Belanja urusan jenazah, keranda, bayaran kubur, bayaran untuk membakar jenazah dll. (disokong dengan resit).
   - Hutang-piutang sah seperti baki pinjaman kenderaan, sewa beli, jual beli, pinjaman, kes-kes sivil dsb, nama-nama si piutang.

5. Surat Wasiat (jika ada).

6. Surat Faraid (bagi orang Islam sahaja).

7. Sijil Nikah bagi janda, balu, sijil kelahiran bagi waris yang tidak layak memohon kad pengenalan.

AMANAH RAYA BERHAD

Apakah prosedur untuk memohon Pentadbiran Terus (Summary Administration) di Amanah Raya Berhad?

a) Ketua Pegawai Eksekutif dibenarkan mentadbir harta pusaka yang mempunyai harta alih yang tidak melebihi RM600,000.00 di bawah seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 tanpa surat kuasa pentadbiran daripada Mahkamah Tinggi atau Pejabat Pentadbir Tanah Daerah. Ini dibuat sekiranya tiada apa-apa permohonan dibuat oleh mana-mana pihak yang lain.

b) Waris-waris atau sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka si mati yang tidak melebihi RM600,000.00 dalam bentuk harta alih sahaja boleh memohon kepada Amanah Raya Berhad untuk menjadi pemegang kuasa.

c) Waris-waris hanya diperlukan mengisi dan mengemukakan borang permohonan dengan maklumat yang lengkap dan dokumen-dokumen yang membuktikan kematian si mati.


d) Sebaik sahaja permohonan ini diterima, Amanah Raya Berhad akan memprosesnya dengan mengeluarkan satu pengisytiharan bagi mentadbir pusaka tersebut.

e) Amanah Raya Berhad diberi kuasa untuk menghasilkan aset-aset yang berkenaan bagi tujuan pembahagian.

f) Setelah menjelaskan bayaran duti pusaka (bagi kes-kes kematian sebelum 1 November, 1991 sahaja) hutang pusaka dan menolak fee bagi Amanah Raya Berhad, baki aset akan dibahagikan menurut faraid (bagi orang Islam), Akta Pembahagian (bagi orang bukan Islam) atau secara persetujuan antara waris-waris yang berkenaan.

g) Peruntukan undang-undang ini (seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995) adalah sangat berkesan bagi kes-kes tuntutan kemalangan maut jalanraya di mana waris-waris si mati bercadang mengambil tindakan di bawah Seksyen 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956.

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN UNTUK PENTADBIRAN DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL



Mengumpul maklumat penting

Pemohon mengisi dan emfailkan Borang A di Pejabat Tanah

Permohonan diproses oleh Pejabat Tanah - Borang B diisi dan dikirimkan Kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi

Penyiasatan dijalankan oleh Pegawai Penempatan/Penghulu dsb.

Sijil Faraid diperolehi daripada Majlis Agama Islam atau Pejabat Kadi

Pengesahan Daripada Pendaftaran Pusat Mahkamah Tinggi - Borang C.

Notis perbicaraan kepada waris-waris - Borang D

Perbicaraan oleh Pegawai Penyelesaian Pusaka Kecil

Perintah pembahagian - Borang E, F

Bantahan atau kaveat - Borang N

Tempoh rayuan 14 hari daripada tarikh perintah

Rayuan ke Mahkamah Tinggi (Borang K2, K1, K3)

Keputusan rayuan

Pendaftaran Perintah di Pejabat Tanah.

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my